

PERMASALAHAN KEMAHIRAN LISAN PRASEKOLAH SJK (TAMIL)

Aisyah Amin & Abdul Rasid Jamian

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Abstrak

Tujuan utama kajian ini untuk mengkaji permasalahan kemahiran lisan murid prasekolah SJK (T) Saraswathy, Sungai Buloh, Selangor berpandukan Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS). Seramai lima orang murid prasekolah SJK T Saraswathy telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk Kajian Kes. Hasil dapatan data diperoleh menggunakan instrumen pemerhatian dan temu bual. Hasil dapatan menggunakan instrumen tersebut akan dianalisis secara deskriptif dan ditunjukkan secara bentuk jadual dan peratus. Kajian ini meliputi aspek PLBS iaitu dari segi tatabahasa dan kosa kata, sebutan, intonasi dan nada, fasih dan bermakna serta bertatasusila. Dapatan kajian ini telah dibuat mengikut penskoran PLBS yang diberi oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kata Kunci : Permasalahan lisan, Prasekolah, India, Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah

Pengenalan

Kemahiran lisan adalah kemahiran mendengar dan bertutur yang ada pada setiap individu tidak mengira bangsa agama dan umur. Kemahiran ini bermula sejak dilahirkan lagi. Kemahiran lisan bahasa Melayu bagi murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil adalah sangat kurang kerana bahasa Melayu adalah bahasa kedua bagi mereka. Menurut Roselan (2003), kemahiran berbahasa merupakan kemahiran asas yang amat penting dan perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Lisan ialah percakapan atau pertuturan, iaitu satu kegiatan melahirkan bahasa melalui suara atau sebutan. Kita akan mengucapkan sesuatu ketika hendak membuat perhubungan atau berinteraksi dengan orang lain. Perbincangan berkaitan interaksi lisan penting kerana aspek ini menjadi asas dalam pelaksanaan Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS). Interaksi lisan sebagai satu proses pertukaran makna melibatkan penutur dan pendengar. Tujuan sebenar interaksi lisan adalah untuk melaksanakan satu peristiwa yang dipanggil komunikasi. Kecekapan berinteraksi bukan sahaja setakat mengetahui kod bahasa, tetapi juga harus mengetahui semua yang hendak hendak dikatakan kepada pendengar, dan cara hendak mengujarkannya sesuai dalam situasi-situasi tertentu (Saville-Troike 2003).

Apabila kanak-kanak menunjukkan kesukaran berbahasa secara verbal, maka kekurangan berbahasa tersebut akan cuba diluahkan dalam bentuk bahasa yang lain seperti menulis atau melukis bagi menyampaikan kehendaknya. Sebagai contohnya, kanak-kanak mengalami kelemahan berbahasa dalam usia lima tahun mungkin akan mengalami gangguan membaca ketika umur lapan tahun kelak dan seterusnya gangguan penulisan pada usia 14 tahun (Lyon, 1996 ; Mann, 1991; Sawyer & Butler, 1991 dalam Hoff, 2001). Menurut Piaget (1952) dalam Othman Puteh, (1984), berpendapat kanak-kanak antara dua hingga tujuh tahun berada dalam peringkat pemikiran praoperasi. Kebolehan untuk menggunakan lambang-lambang mula memainkan peranan penting dalam perkembangan intelek. Penguasaan bahasa merujuk kepada penguasaan satu sistem komunikasi yang tercermin akal budi dan pemikiran masyarakat bahasa itu (Awang Sariyan, 2006). Ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan iaitu mencari permasalahan kemahiran lisan murid prasekolah SJK (Tamil) Saraswathy.

Pernyataan Masalah

Masalah berbahasa Melayu dalam kalangan murid terutama prasekolah di SJK (Tamil) adalah sangat ketara. Kebolehan murid ini untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu adalah sangat lemah. Menyedari kelemahan inilah, pengkaji telah membuat keputusan untuk membuat satu tinjauan kemahiran lisan murid prasekolah ini yang memfokuskan lisan antara murid dengan guru, murid dengan murid serta kemahiran lisan murid melalui bahan rangsangan yang diberikan oleh guru. Pada 14 Oktober 2002, Utusan Malaysia melaporkan bahawa terdapat 100,000 murid Tahun Dua hingga Tahun Enam tidak tahu membaca, menulis dan mengira. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2002) pula melaporkan seramai 2400 murid Tingkatan Satu tidak boleh membaca. Menyedari betapa kritikalnya masalah ini, maka pihak

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan satu Mesyuarat Memperkasakan Sekolah Kebangsaan pada 22 November 2005 dan satu ketetapan telah dibuat supaya masalah kegagalan membaca dan menulis dalam kalangan murid Tahun Satu ditangani dengan segera. Kemahiran atau konsep 3M iaitu membaca, menulis dan mengira dengan giat dilaksanakan di semua sekolah seluruh Malaysia yang melibatkan penglibatan awal murid prasekolah. Tanpa kemahiran mendengar dan bertutur atau lisan murid ini tidak akan dapat meneruskan kemahiran membaca dan menulis. Ini kerana perkembangan awal murid adalah melalui lisan iaitu mendengar dan bertutur iaitu murid ini akan meniru segala gerak laku yang dilihat oleh mereka (Abdul Rasid Jamian et al., 2012).

Objektif Kajian

Objektif umum adalah untuk mengenal pasti masalah dalam kemahiran lisan murid-murid prasekolah di SJK (Tamil). Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui masalah kemahiran lisan bahasa Melayu murid-murid prasekolah jenis kebangsaan tamil berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Lisan Sekolah (PLBS) iaitu dari segi tatabahasa, sebutan intonasi dan nada, fasih dan bermakna, dan bertatasusila.
2. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi masalah kemahiran lisan murid-murid prasekolah SJK (Tamil) ini.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, maka tiga persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Sejauh manakah masalah kemahiran lisan bahasa Melayu dalam kalangan murid prasekolah jenis kebangsaan tamil dari segi tatabahasa?
2. Sejauh manakah masalah kemahiran lisan bahasa Melayu dalam kalangan murid prasekolah jenis kebangsaan tamil dari segi sebutan, intonasi dan nada?
3. Sejauh manakah masalah kemahiran lisan bahasa Melayu dalam kalangan murid prasekolah jenis kebangsaan tamil dari segi fasih dan bermakna?
4. Sejauh manakah masalah kemahiran lisan bahasa Melayu dalam kalangan murid prasekolah jenis kebangsaan tamil dari segi bertatasusila?

Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan kesedaran dan membantu para guru tentang kepentingan kemahiran. Kajian ini juga menjadi pendorong kepada guru-guru bahasa untuk sentiasa mengaplikasikan kemahiran lisan dan menjalankan pelbagai aktiviti yang sesuai dalam meningkatkan kemahiran berfikir murid mereka. Selain itu, akan mendorong pihak sekolah mengambil inisiatif dalam memberikan para guru bahasa pelbagai bengkel yang berkaitan dengan kemahiran lisan. Kepentingan kepada murid pula, jika guru melaksanakan kemahiran lisan dalam pengajarannya akan mewujudkan rangsangan yang aktif dalam kalangan murid kerana latar belakang dan tahap pencapaian murid adalah berbeza. Hal ini membolehkan murid mudah untuk menerima pengajaran yang diajar oleh guru mereka. Selain itu, dengan kemahiran yang betul, murid akan berinteraksi dan melibatkan diri secara aktif, di samping itu dapat mengembangkan daya kemahiran kritis dan kreatif mereka dan aktiviti kemahiran lisan dapat mengembangkan dan meningkatkan pemikiran dan kefahaman mereka. Selain itu, kajian ini juga akan memberi faedah dan manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai rujukan dalam mengkaji dengan lebih mendalam tentang kepentingan lisan dalam kalangan murid prasekolah SJK (Tamil) dalam bahasa Melayu.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes untuk mengkaji sejauh mana kemahiran lisan murid prasekolah berdasarkan Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) iaitu adakah terdapat permasalahan jika dinilai secara PLBS. Menurut Chua Yan Piaw (2006), kajian kes digunakan untuk mengumpulkan maklumat secara mendalam tentang tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial tersebut berlaku. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif untuk

mendapatkan data tentang permasalahan kemahiran lisan berasaskan PLBS bagi murid prasekolah.

Kaedah berbentuk kualitatif dalam konteks kajian ini memfokuskan kepada kemahiran lisan murid berasaskan PLBS dengan cara melihat guru membuat pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar dan murid boleh berkomunikasi secara lisan. Murid juga disuruh berbincang sesama sendiri untuk mengukur tahap kemahiran lisan Bahasa Melayu mereka. Penyelidikan berbentuk kualitatif dipungut melalui kaedah pemerhatian dan temu bual yang diteliti secara mendalam. Banyak unsur seperti emosi, motivasi dan empati yang berkaitan dengan keadaan semula jadi individu atau kumpulan tertentu (Chua Yan Piaw, 2006).

Persampelan

Persampelan merupakan suatu proses memilih kumpulan individu untuk sesuatu kajian daripada suatu kumpulan individu yang mewakili kumpulan besar yang dipilih (Noraini 2010). Persampelan yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada 5 orang murid prasekolah SJK (Tamil) Saraswathy, Sungai Buloh, Selangor. Pemilihan ini dikaji dan dilaksanakan kajian kes memadai menurut Sabitha Marican dan Mohd Izham (2006) kerana penekanan kajian kualitatif bukan kepada jumlah responden tetapi aplikasi spesifikasi ciri amalan yang dilakukan oleh responden. Selain itu, batasan masa juga diambil kira dalam kajian ini.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen temu bual bagi mengumpulkan data. Satu daripada instrumen yang mempunyai kaitan dengan kaedah kualitatif ini ialah teknik temu bual. Patton (1980) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal, dan temu bual terbuka. Meriam (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur, dan temu bual tidak berstruktur.

Temu bual dirakam dengan menggunakan MP3. Sesi temu bual tersebut berpandukan log temu bual yang telah disediakan terlebih dahulu sebagai rujukan kepada pengkaji untuk melaksanakan temu bual bersama responden tersebut. Rakaman itu kemudiannya diberikan kod diletakkan tarikh dan ditranskripsikan secara verbatim. Abjad RK mewakili responden kajian manakala nombor 1, 2, 3, 4 dan 5 yang ditandai selepas abjad RK merujuk kepada responden pertama, kedua dan seterusnya. Sebelum transkrip itu dianalisis, proses kesahan dilakukan oleh responden temu bual bagi mendapatkan persetujuan mereka terhadap kandungan transkripsi itu terlebih dahulu. Selepas itu, data tersebut dianalisis secara manual bagi mewujudkan tema-tema yang berkaitan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Permasalahan kemahiran lisan bahasa Melayu murid-murid prasekolah jenis kebangsaan tamil berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Lisan Sekolah (PLBS) iaitu dari segi tatabahasa, sebutan intonasi dan nada, fasih dan bermakna, dan bertatasusila.

Permasalahan pertama yang timbul ialah ketiga-tiga responden iaitu RK 1, RK 4 dan RK 5 mempunyai masalah dengan pola ayat yang mudah iaitu FN + FN. Responden ini menterjemahkan ayat dari bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Ini menyebabkan pola ayat tersebut menjadi terbalik. Manakala RK 2 dan RK 3 tidak mempunyai masalah dalam kemahiran lisan dan dapat menyebut ayat dengan pola yang betul. Kesimpulannya kemahiran dari ayat ini adalah 60% responden tidak boleh bertutur dengan pola ayat yang betul dan 40% responden dapat bertutur dengan pola ayat yang betul. Ini dapat dilihat seperti jadual di bawah :

Jadual 1: Peratus pola ayat

Responden	Menguasai (%)	Tidak Menguasai (%)
RK 1, RK 4, RK 5	-	60 %
RK 2, RK 3	40 %	-

Kemahiran Lisan Dari Segi Sebutan, Intonasi dan Nada

Kelima-lima responden telah diberi kad perkataan dan petikan pendek untuk dibaca. Dapatan kajian yang diperolehi dari data setelah dianalisa ialah responden RK 1, RK 4 dan RK 5 tidak dapat menyebut huruf 'R'. Contohnya perkataan '*rehat*', responden menyebut '*regat*'. Sebaliknya dengan RK 2 dan RK 3 yang dapat membaca kad perkataan dan petikan pendek yang diberi dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul iaitu dari segi tanda baca. Kesimpulannya murid ini tidak menguasai kemahiran membaca dengan sepenuhnya lagi terutamanya dari segi sebutan, intonasi dan nada.

Jadual 2 : Sebutan, intonasi dan nada

Responden	Menguasai (%)	Tidak Menguasai (%)
RK 1, RK 4, RK 5	-	60 %
RK 2, RK 3	40 %	-

Kemahiran Lisan Dari Segi Fasih dan Bermakna

Pengkaji telah menilai kefasihan dan bermakna ayat yang dibaca oleh kelima-lima responden tersebut dan mendapati RK 2 dan RK 3 dapat membaca petikan pendek dengan fasih dan lancar. Pengucapan responden ini fasih dan bermakna. Manakala bagi RK 1, RK 4 dan RK 5 pula adalah sebaliknya. Responden ini tidak dapat membaca dengan fasih kerana terdapat perkataan yang tidak dapat dibaca dengan betul.

Jadual 3 : Fasih dan bermakna

Responden	Menguasai (%)	Tidak Menguasai (%)
RK 1, RK 4, RK 5	-	60 %
RK 2, RK 3	40 %	-

Kemahiran Lisan Dari Segi Bertatasusila

Dapatan kajian yang dibuat penilaian dari segi bertatasusila setelah dinilai kesemua iaitu baca, perlakuan, hubungan antara murid dengan murid dan murid dengan guru. Kesemua responden ini adalah bertatasusila kerana dapat menjawab segala pertanyaan yang dikemukakan oleh pengkaji.

Jadual 4 : Bertatasusila

Responden	Menguasai (%)	Tidak Menguasai (%)
RK 1, RK 2, RK 3, RK 4 dan RK 5	100 %	-

Permasalahan Kemahiran Lisan

Permasalahan yang timbul selepas pemantauan dijalankan oleh pengkaji terhadap 5 orang respondennya. Responden yang dikaji ini bukanlah penutur jati negara kita. Bahasa Melayu adalah bahasa kedua atau ketiga bagi mereka. Pemerolehan bahasa kedua didefinisikan sebagai proses pembelajaran bahasa asing selepas mengetahui asas bahasa pertama, yang bermula pada peringkat umur lima tahun atau selepasnya (Dulay, Burt & Krashen 1982 dalam Abdullah 2004).

Cook (1991) pula mendefinisikan bahasa kedua sebagai bahasa yang dipelajari oleh seseorang individu sebagai tambahan kepada bahasa ibunda yang sedia ada. Dalam kajian ini, bahasa kedua merujuk kepada Bahasa Melayu yang dipelajari oleh murid-murid India, manakala Bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda atau bahasa pertama mereka. Ini akan menyebabkan penguasaan kosa kata yang meluas tidak akan berlaku terhadap murid ini. Permasalahan timbul kerana mereka tidak bercakap bahasa Melayu bersama rakan atau pun ibu bapa. Ini menyebabkan penguasaan kosa kata adalah sangat kurang bagi mereka.

Permasalahan timbul kerana sebahagian murid yang tiada asas bahasa Melayu juga mempunyai sikap yang negatif terhadap corak pembelajaran bahasa Melayu. Dalam pada mereka menyatakan rasa minat dan kagum, namun pada masa yang sama mereka menyatakan rasa marah, putus asa, tidak berpuas hati dan malu kerana tidak mampu menguasai kemahiran lisan bahasa Melayu seperti mana yang diharapkan. Kelemahan ini membawa kepada rasa tidak yakin untuk

bertutur serta rasa rendah diri apabila membandingkan diri mereka dengan kawan-kawan yang lain selari dengan dapatan Alkusaury (1998) dan Ewald (2007). Sikap ini membawa implikasi yang negatif kepada murid. Mereka merasa tidak yakin untuk menggunakan bahasa Melayu, malah merasa tiada kepentingan langsung untuk mempelajari kemahiran lisan bahasa Melayu. Dapatan ini juga menyokong teori jangkaan nilai yang telah dibincangkan terdahulu.

Cadangan

Kemahiran berbahasa adalah penting dalam kehidupan setiap individu terutamanya kemahiran lisan. Kemahiran lisan iaitu kemahiran bertutur dan mendengar bermula dari kita kecil lagi. Tanpa kemahiran lisan terutamanya bagi murid prasekolah SJK (Tamil) ini akan menyusahkan lagi kehidupan mereka kelak. Terdapat pelbagai permasalahan yang harus ditangani untuk membantu kemahiran lisan murid prasekolah SJK (Tamil) ini. Di sini terdapat beberapa cadangan untuk mengatasi masalah kemahiran lisan iaitu:

1. Murid hendaklah diberi pendedahan asas bahasa Melayu seperti bercakap dengan ahli keluarga, bergaul dengan rakan sebaya yang berbangsa Melayu.
2. Menghantar murid ke tadika yang bahasa pengantarnya adalah bahasa Melayu juga dapat meningkatkan kemahiran lisan mereka.
3. Peranan guru juga penting dalam meningkatkan kemahiran lisan murid ini. Guru adalah 'role-model' kepada murid. Guru hendaklah berbahasa Melayu sepenuhnya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan untuk interaksi selebihnya hendaklah mengutamakan bahasa Melayu.
4. Murid hendaklah didedahkan dengan persekitaran yang banyak menggunakan bahasa Melayu. Contohnya menonton cerita kartun bahasa Melayu yang banyak disiarkan di kaca televisyen, mendengar radio atau lagu Melayu dan sebagainya.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim.(2012). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1) (Mei), 129-140.
- Alkusaury, M.A. (1998). Pendekatan komunikatif bagi pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing. Dlm. Jariah Long (Pnyt.). *Inovasi dalam perkaedahan pengajaran bahasa, sains sosial dan teknologi maklumat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Sariyan. (2006). *Warna dan suasana perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Statistik penyelidikan buku 1 : kaedah penyelidikan*. Malaysia: McGraw- Hill Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Pembelajaran masteri*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Roselan Baki. (2001). *Interaksi lisan dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu daripada perspektif guru*. Tesis Ph.D., Uiversiti Kebangsaan Malaysia.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.